

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**  
**KAWASAN** : **Kuala Kangsar**  
**TARIKH** : **8 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN** : **42**

**SOALAN**

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah usaha yang telah dibuat bagi memastikan industri seramik Malaysia mampu setanding dengan Jepun atau China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, industri seramik mempunyai potensi yang tinggi di Malaysia memandangkan Malaysia mempunyai bahan mentah yang berkualiti iaitu tanah liat dan pasir yang digunakan dalam pembuatan seramik.

Bagi tempoh 5 tahun dari 2012 sehingga 2016, sebanyak 24 projek berkaitan produk seramik khususnya *advanced ceramic* dengan pelaburan bernilai RM1.03 billion telah diluluskan. Untuk tempoh yang sama, industri seramik telah menyumbang sebanyak RM28.3 billion kepada eksport negara.

Untuk memastikan industri seramik kekal berdaya saing di peringkat global, beberapa inisiatif telah diambil untuk memperkasakan industri seramik, seperti berikut:

- (i) menyediakan insentif seperti Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi pengeluar *advance ceramic* (produk seramik yang

menggunakan teknologi tinggi) dan Elaun Pelaburan Semula bagi pengeluar seramik yang sedia ada. Syarikat turut berpeluang untuk menikmati insentif Elaun Modal Automasi (*Automation Capital Allowance*) bagi meningkatkan proses automasi bagi industri perkilangan yang masih menggunakan tenaga buruh. Elaun perbelanjaan modal automasi yang diberikan adalah sebanyak 200% ke atas RM2 juta perbelanjaan modal pertama bagi tempoh 2015 sehingga 2020;

- (ii) memperkenalkan sistem piawaian MS147:2001, MS1522:2007, MS795:2002 dan MS13006:2003 bagi produk-produk seramik bagi tujuan pembinaan. Piawaian berkenaan turut terpakai kepada produk seramik yang diimport. Sistem piawaian ini bertujuan memastikan hanya produk seramik yang berkualiti diimport masuk ke Malaysia bagi kegunaan dalam sektor pembinaan;
- (iii) mempromosikan aktiviti eksport menerusi *International Sourcing Program* (INSP) di mana mesyuarat *Business-to-Business* atau B2B diadakan agar pembeli dari luar negara dapat mengenalpasti rakan niaga yang bersesuaian dari Malaysia. Salah satu projek yang telah diusahakan oleh pihak MATRADE adalah *Battersea Power Station Development Company* (BPSC), di United Kingdom di mana jumlah pelaburan adalah sebanyak GBP 9 billion merangkumi 7 fasa dari tahun 2013 hingga 2027. Untuk projek *Battersea* ini, MATRADE telah mengenalpasti pembekal bahan binaan yang berpotensi dari Malaysia untuk membekal bahan-bahan binaan kepada projek tersebut. Setakat ini, sejumlah GBP 535,000 nilai produk seramik adalah dibekalkan oleh syarikat Malaysia iaitu Kim Hin Industry dan Clay Industries Sdn Bhd untuk projek Fasa Satu;
- (iv) menganjurkan beberapa program, dialog dan seminar seperti *Specialised Building Materials Supply Chain Conference 2017* yang bertujuan:

- memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk memasarkan produk keluaran tempatan kepada syarikat-syarikat multinasional;
  - mewujudkan rantaian bekalan bagi memperkukuhkan ekosistem industri seramik; serta
  - memberi pendedahan kepada syarikat tempatan mengenai keperluan kualiti dan standard produk yang telah ditetapkan oleh syarikat multinasional.
- (v) mengadakan program-program seperti *Exporters Training Programme*, *Mid-Tier Program*, *e-Trade Program*, *Go-Ex Program* dan *Large Corp Program* bagi memudahcara industri kecil dan sederhana untuk melibatkan diri dalam pasaran antarabangsa; dan
- (vi) berkerjasama dengan sektor swasta dalam mempromosikan pengeluar seramik tempatan, contoh seperti, menerusi *Indobuildtech Expo* (Indonesia) dan *The Big 5 Show* (Dubai) di mana kedua-dua program ini tertumpu kepada usaha mempromosi industri seramik tempatan.

Bagi membantu PKS tempatan meningkatkan keupayaan dan daya saing, termasuk PKS dalam industri seramik, SME Corp. Malaysia melaksanakan *Business Accelerator Programme* (BAP) yang merupakan pakej bantuan bersepadu dan menyeluruh. Program ini melibatkan penilaian ke atas keupayaan perniagaan semasa syarikat yang kemudiannya diikuti dengan pembangunan pelan tindakan untuk peningkatan perniagaan. Bantuan akan diberikan berdasarkan penilaian samada dalam bentuk pembinaan kapasiti, khidmat nasihat, sokongan teknikal, akses pasaran, jaringan perniagaan atau bantuan kewangan.

Selain itu, PKS Bumiputera yang terlibat dalam penghasilan kraftangan tempatan seperti labu sayong, boleh mendapatkan bantuan di bawah Bumiputera *Enterprise Enhancement Programme* (BEEP). Program ini menggunakan pendekatan bimbingan rapi yang memberi tumpuan kepada pengukuhan teras perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan, peningkatan produktiviti dan penyediaan akses kepada pembiayaan. Ianya menyediakan bantuan untuk syarikat meningkatkan

keupayaan dalam pembungkusan dan pelabelan; pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti; penambahbaikan produk dan proses; serta pengiklanan, promosi dan penjenamaan.

Dari segi produk seramik yang berkaitan dengan industry kraftangan, seramai 245 orang usahawan kraf bergiat aktif dalam perusahaan kraf di negeri Perak pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 115 orang (47 peratus) merupakan usahawan di sekitar daerah Kuala Kangsar. Seramai 60 orang adalah usahawan kraf Hasil Tanah (labu sayong), 33 orang usahawan Hasil Logam (besi senjata iaitu parang, golok dan sarung hulu) dan 22 orang usahawan Tekstil (tekatan).

Di samping itu, Program Kraf Kampungku di Kg. Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar turut dilaksanakan sebagai satu inisiatif Kerajaan bagi membangunkan ekonomi setempat dan meningkatkan taraf hidup usahawan kraf menerusi penghasilan produk kraf seramik yang lebih kreatif serta dinamik. Ia juga menjadi projek perintis kepada pertumbuhan industri kraf tempatan dengan penglibatan serta kerjasama rakan strategik daripada 34 agensi kerajaan dan swasta.

Melalui program tersebut, pelbagai aktiviti dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti produk seramik iaitu penganjuran makmal teknikal bersama Jabatan Mineral dan Galian Malaysia bagi hebahan formulasi tanah, makmal teknik pembakaran hitam seramik, kajian fabrikasi tanur kos rendah serta bantuan mendapatkan persijilan halal dan keselamatan produk seramik yang dihasilkan.

Kejayaan program tersebut memperlihatkan penjanaan pendapatan usahawan kraf seramik di mana sebanyak RM2.6 juta (peningkatan sebanyak 8%) berjaya diperoleh pada tahun 2016 berbanding RM2.4 juta pada tahun 2015 dengan penglibatan seramai 92 orang usahawan dan 116 orang pekerja. Sehingga Jun 2017, sebanyak RM1.1 juta (pencapaian sebanyak 39%) berjaya dijana daripada RM2.85 juta yang disasarkan.

Selain itu, *Malaysian Ceramic Industry Group* (MCIG) yang ditubuhkan sejak 30 tahun yang lalu di bawah *Federation of Malaysian*

*Manufacturers* (FMM) telah banyak memainkan peranan penting dalam membangunkan industri seramik tempatan. FMM juga merupakan agensi yang penting dalam berkomunikasi dengan pihak kerajaan untuk membangunkan polisi-polisi yang membantu membangunkan industri selaras dengan keadaan semasa. Secara tidak langsung, kerjasama erat antara Kerajaan dan pihak industri telah berjaya mempertingkatkan dan mengukuhkan daya saing industri seramik dalam negara setanding produk import.

Sekian, terima kasih

## SOALAN ( 43 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 OGOS 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA  
[ KETEREH ]

SOALAN :

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) sebagai projek infrastruktur berimpak tinggi yang akan menjadi pencetus pertumbuhan ekonomi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang melingkupi kawasan seluas 66,000km persegi sepanjang Pantai Timur dn apakah perkembangan terkini projek ECRL berkenaan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, East Coast Rail Link (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER), menghubungkan Pantai Timur dan Greater Klang Valley (GKV). Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ECRL berkeupayaan menyumbang dari segi peningkatan terhadap produktiviti dan kesan limpahan ekonomi melalui penambahbaikan sistem infrastruktur negara di mana integrasi pelbagai mod pengangkutan mewujudkan ketersambungan yang lancar bagi penumpang dan barangan. Melalui projek ini, kesalinghubungan di antara ibu negeri, pusat bandar utama, kluster perindustrian, pelabuhan laut, depoh kontena dalaman, lapangan terbang dan zon pelancongan di Pantai Timur bakal menjadi lebih mudah tanpa sebarang kekangan.

Selain itu, pengecilan jurang ekonomi di antara Wilayah Pantai Timur dan Barat Semenanjung dapat diwujudkan, di samping menjana penambahan peluang pekerjaan dan perniagaan seperti syarikat pembekalan barangan dan perkhidmatan di kalangan komuniti yang berada di jajaran ECRL seterusnya menjadi transformasi terpenting buat negeri-negeri di Pantai Timur.

Melalui nisbah 30:70 bagi perkhidmatan keretapi penumpang dan barangan/ kargo, sektor dagangan tempatan dan antarabangsa serta industri logistik berpotensi untuk berkembang dalam skala yang lebih besar. Kapasiti pengangkutan barangan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung, termasuk pengangkutan barangan di antara kawasan pedalaman dan pelabuhan, mencerminkan keupayaan ECRL menjadi satu medium pengangkutan yang lebih cekap dan moden. Contohnya, laluan ECRL di antara Kertih dan Kuantan akan menyediakan kemudahan pengangkutan kontena dan komoditi di antara Pelabuhan Kuantan, Kemaman dan Kertih.

Tuan Yang di-Pertua,



Industri hartanah juga tidak akan terpinggir kerana dengan adanya projek ECRL kelak, sektor ini bakal mendapat tempias positif apabila nilai hartanah yang berada di sekitar jajaran projek berpotensi melambung tinggi menerusi permintaan dan penawaran oleh para pemaju perumahan tempatan. Tidak hanya terhad dalam menyumbang impak positif kepada para pemaju, komuniti setempat juga akan menerima hasil pendapatan yang lebih memberangsangkan dari sektor hartanah melalui peningkatan harga rumah dan bangunan komersial berhampiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan jaringan pengangkutan awam ini dijangka menjadi kunci kepada pembangunan sekurang-kurangnya kepada bandar seperti Bentong, Mentakab, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu, selain daripada berpotensi mewujudkan bandar-bandar baharu sekaligus menarik minat lebih banyak pelabur untuk menjadikan Pantai Timur Semenanjung sebagai hab pelaburan terbaru memandangkan urusan perniagaan, pengangkutan dan perkhidmatan di antara Pantai Timur dan Lembah Kelang bakal menjadi semakin pantas dan efisien dengan adanya ECRL. Nilai tanah perindustrian di Pantai Timur yang lebih murah daripada Pantai Barat Semenanjung serta akses yang lebih mudah ke pelabuhan

utama di Semenanjung juga bakal menjadi daya tarikan terbaik buat para pelabur.

Selain memantapkan pembangunan bandar-bandar sekitar, pelaksanaan ECRL mampu merancakkan lagi pertumbuhan industri pelancongan termasuk mengkomersialkan Banjaran Titiwangsa dan hutan-hutan simpan di sekitar jajaran sebagai destinasi pelancongan baru. Masa perjalanan yang dapat dikurangkan berkali ganda, serta perkhidmatan yang lebih selamat dan selesa adalah sebagai satu inisiatif yang menggalakkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan.

Projek ECRL bukan sahaja memberi kelebihan yang besar kepada negara, tetapi yang paling diutamakan adalah manfaatnya buat rakyat tempatan. Projek penambahbaikan terhadap sistem infrastruktur negara ini berupaya membuka banyak peluang pekerjaan yang bervariasi secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk tempatan melalui pembinaan rel serta *Corridor Development* di sekitar jajaran ECRL - professional dan semi-professional, pengurusan, perkeranian, tenaga kerja mahir, separa mahir dan sebagainya. Ini berikutan peningkatan produktiviti dalam sektor pembinaan, pembuatan, perhotelan,

pemakanan, peruncitan termasuk pengembangan dari sektor perdagangan dan industri logistik.

Justeru, pelaksanaan ECRL dilihat mampu memberi kesan besar terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan unjuran pertambahan pertumbuhan tahunan sehingga 1.5 peratus bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 8 Mac 2017 yang lalu, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, telah secara rasminya dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Sesi yang berlangsung selama 90 hari tersebut telah bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017 yang lalu, dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah selain daripada ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api bagi Fasa 1 iaitu dari Wakaf

Bharu ke ITT Gombak serta mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada, selain daripada memberi penjelasan terperinci tentang perkara-perkara dan ciri-ciri lain yang berkaitan dengan projek ECRL terhadap orang awam. Maklum balas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Kementerian Kewangan telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017 yang lalu. Oleh yang demikian, proses pengambilan tanah bagi jajaran ECRL akan dilaksanakan pada tahun 2017 dan ini sekaligus membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pecah Tanah Projek ECRL dijadualkan berlangsung pada 9 Ogos 2017 di Bandar Baru Kuantan, Pahang yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri bagi menandakan bahawa projek negara ini akan dimulakan pembinaannya tidak lama lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, pihak MRL sedang giat menyiapkan Skim Keretapi bagi Fasa Kedua untuk dikemukakan kepada SPAD. Pihak MRL berharap akan dapat menjalankan Sesi Pemeriksaan Awam bagi Fasa Kedua pada penghujung tahun ini setelah mendapat kelulusan bersyarat dari pihak SPAD.

Oleh yang demikian, keseluruhan pembinaan Projek ECRL yang melibatkan Fasa Pertama dan Kedua dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya secara serentak pada penghujung suku kedua tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

8 Ogos 2017